

# WANITA DAN PEMILIHAN KERJAYA DI SEKTOR AWAM

Nur Alia Balkis Binti Sharifuddin<sup>12</sup>

Borhan Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah*

<sup>2</sup>*BB17110533@student.ums.edu.my*

## 1.0 PENGENALAN

Penglibatan golongan wanita dalam sektor pekerjaan awam semakin meningkat. Dahulu, penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan awam tidaklah begitu ramai. Namun kini, semakin ramai dalam kalangan wanita yang memegang jawatan penting dalam sektor pekerjaan awam. Bahkan sumbangan kemahiran mereka terhadap masyarakat dan negara amat tesarlah (Syaheera, 2017). Setiap daripada wanita yang memilih kerjaya di sektor awam mempunyai alasan yang kukuh. Ianya adalah subjektif kepada seseorang individu berdasarkan apa yang difikirkan atau ingin dicapai di sebalik kehidupan mereka.

Wanita semakin memainkan peranan yang penting dan berusaha untuk mempertingkatkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran yang telah disediakan terutamanya dalam bidang pekerjaan di sektor awam. Tiada lagi halangan dan perbatasan yang wujud untuk menghalang wanita bagi mempelajari segala ilmu yang sedia ada untuk digunakan dalam pekerjaan di sektor awam. Golongan wanita lebih memilih atau minat untuk bekerja di sektor awam atau kerajaan berbanding bekerja di sektor swasta. Pertambahan bilangan wanita dalam pekerjaan di sektor awam telah menyebabkan berlakunya saingan yang sangat sengit bagi golongan wanita untuk bekerja di sektor awam.

## 2.0 KONSEP DAN TEORI

Kerjaya bagi seseorang individu itu adalah untuk menentukan kehidupan mereka terutama bagi golongan wanita pada masa hadapan. Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan Mohd Salleh, Mahmud, & Amat (2006), menyatakan bahawa proses memilih dan merancang kerjaya adalah proses yang terpenting dalam kehidupan seseorang terutama proses memilih kerjaya dalam kalangan wanita. Menurut Nurinahafiza (2012) kerjaya merujuk kepada penglibatan yang berterusan serta perkembangan dan kemajuan seseorang wanita di dalam sesuatu lapangan ataupun satu kaedah bagi seseorang wanita menyambung kehidupannya. Kerja pula ditafsirkan sebagai usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan. Sektor awam atau kerajaan pada masa kini masih dan tetap lagi menjadi sektor yang amat penting kepada penduduk mahupun graduan terutama dalam kalangan wanita yang sedang mencari pekerjaan. Antara sektor-sektor penting yang telah disediakan oleh kerajaan ialah sektor pendidikan, kesihatan, pentadbiran, keselamatan awam, dan keselamatan negara.

### 2.1 Teori Persepsi

Persepsi adalah satu proses mengetahui objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang objektif melalui deria (Chaplin, 1985). Menurut Kretch dan Cruthfield (1969) persepsi merupakan proses di mana individu menerima dan menginterpretasi maklumat tertentu. Mc Burney (1977) juga berpendapat persepsi adalah satu proses bertindak balas organisma kepada objek persekitaran berdasarkan peraturan-peraturan dalam tingkah lakunya. Davidoff dan Sanggin (1993) tidak menafikan bahawa persepsi merupakan satu proses yang dikatakannya sebagai

proses mengurus dan menginterpretasikan deria yang diterima supaya memupuk kesedaran terhadap persekitaran dan diri seseorang. Bagi Jaafar Muhamad (1997) persepsi merupakan satu penilaian seseorang terhadap orang lain, benda sekeliling dan juga sesuatu kejadian. Menurutnya lagi, terdapat lima tahap dalam proses pembentukan persepsi seseorang. Proses ini melibatkan penerimaan maklumat, pemprosesan maklumat, adaptasi pengaruh luaran dan dalaman, penghasilan output dan akhirnya mendatangkan reaksi terhadap apa yang dipandang, dengar, baca dan alami.

Umumnya, persepsi wujud setelah individu melalui proses-proses kognitif yang dipengaruhi oleh unsur-unsur dalaman dan luaran yang berbeza dan seorang ke seorang yang lain. Chung dan Megginson (1981) yakin proses persepsi dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti saiz, pergerakan, status, penampilan dan faktor dalaman iaitu ciri-ciri pada individu yang membuat persepsi seperti keperluan, pengalaman lepas, konsep sendiri dan personaliti. Unsur-unsur demikian menyebabkan wujud perbezaan persepsi antara individu kepada individu lain. Oleh yang demikian, persepsi adalah pandangan peribadi seseorang terhadap orang lain. Apabila sesuatu keputusan atau persetujuan ingin dicapai, perbezaan persepsi sebegini boleh mendatangkan masalah (Jaafar Muhamad, 1997). Hockberg (1978) sernasa membicarakan tentang persepsi menekankan pentingnya kehadiran pembolehubah sosial di dalam membentuk persepsi seseorang yang menurutnya menyebabkan persepsi berunsur relatif dan subjektif. Selain itu, persepsi juga dianggap sebagai satu proses manusia memperolehi dan mentafsir maklumat daripada persekitaran, dengan menggunakan salah satu pancaindera mereka seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan dan lain-lain (Rowntree, 1981).

## **2.1 Teori Pemilihan Kerjaya**

Pemilihan kerjaya sudah menjadi salah satu bidang kajian yang penting di Barat. Justeru itu, banyak teori-teori pemilihan kerjaya lahir di Barat bagi melihat gelagat pemilihan kerjaya manusia dari pelbagai peringkat umur yang dipengaruhi oleh berbagai faktor. Para pengkaji gelagat pemilihan kerjaya Barat telah membangunkan satu piawian bagi mengukur minat dan sikap individu terhadap kerjaya bagi menentukan kerjaya yang dipilih bertepatan dengan minat dan aspirasi seseorang. Dengan itu, seseorang itu akan meminati kerjaya yang dipilih dan dapat menentukan bidang yang sesuai dengan minat dan potensi individu terutama pada peringkat alam persekolahan lagi. Teori kerjaya Islam, walaupun sudah lama wujud, tetapi malangnya ia tidak dibangunkan melalui kajian yang mendalam bagi menyaingi teori kerjaya Barat yang telah dibangunkan melalui pelbagai kajian.

Terdapat pelbagai teori pemilihan kerjaya yang telah dibangunkan dan menjadi asas pengkaji dalam kajian mereka terhadap bidang kerjaya. Antara teori tersebut ialah teori kerjaya Islam, teori Krumboltz, Mitchell, dan Gelatt (Sidek Mohd Noah, 2002). Teori Kerjaya Islam telah dibangunkan oleh Sidek Mohd Noah (Sidek Mohd Noah, 2002). Teori ini melihat kerjaya sebagai satu kepentingan material dalam aktiviti kehidupan manusia di muka bumi. Tanpa asas kerjaya yang mantap dan kukuh, mungkin keseimbangan antara fitrah semulajadi manusia samada dari segi jasmani dan rohani atau antara mental dan emosi akan terganggu. Bekerjaya adalah sunnah para Rasul terdahulu tanpa mengira taraf pekerjaan tetapi yang penting ianya adalah pekerjaan yang halal. Bekerjaya dalam Islam adalah salah satu ibadah dan merupakan amal soleh dengan syarat pekerjaan itu tidak melibatkan perkara yang haram atau maksiat, ia dilakukan dengan niat yang suci, dan dilakukan dengan mematuhi piawian syariah Islam serta tidak mengabaikan kewajiban ibadah khusus seperti solat dan lain-lain.

Teori pemilihan kerjaya seterusnya iaitu Teori Krumboltz, Mitchell dan Gelatt lebih cenderung kepada pengaruh kehidupan terhadap pemilihan kerjaya. Teori ini dikemukakan oleh Krumboltz, Mitchell dan Gelatt pada tahun 1975 dan diperbaharu pada tahun 1995 oleh

Krumboltz dan Mitchell sahaja (Zunker, 1986). Teori ini menjelaskan terdapat empat faktor dalam proses pemilihan kerjaya iaitu pengaruh baka dan kebolehan individu, persekitaran, pengalaman belajar dan kemahiran menjalankan tugas.

Selain itu, terdapat juga beberapa faktor penyumbang yang terlibat dalam pemilihan kerjaya digariskan oleh pengkaji seperti faktor keluarga, persekitaran, dan gaji. Pengkaji telah mengemukakan beberapa hasil carian dari penulis-penulis lain terhadap faktor yang berkaitan. Kesemua faktor ini adalah sangat berkait rapat dengan kajian ini.

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data atau pendekatan kuantitatif yang melibatkan sampel kajian seramai 30 orang responden yang terdiri daripada golongan wanita yang bekerjaya dan menetap di kawasan Ulu Tiram bandar Johor Bahru. Borang soal selidik diedarkan oleh pengkaji kepada responden untuk mendapatkan maklum balas. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang mengkehendaki responden untuk menjawab soalan berdasarkan skala Likert iaitu 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju. Data yang diperoleh dan diterima oleh pengkaji dianalisis dengan menggunakan perisian komputer IBM SPSS Statistik. Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif bagi mengenalpasti corak demografi penglibatan wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam dan menilai faktor-faktor terpilih yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam.

### **4.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan hasil dan dapatan daripada tinjauan yang dijalankan, beberapa faktor demografi yang memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Berdasarkan tinjauan, taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda merupakan yang paling tertinggi manakala taraf pendidikan pada peringkat lain-lain iaitu selain daripada pendidikan SPM, STPM atau setaraf, Ijazah Sarjana Muda, contohnya taraf pendidikan Ijazah Sarjana atau PHD merupakan yang terendah didapati dalam kajian ini. Melalui hasil dapatan kajian daripada borang soal selidik yang dijalankan bersama responden ini juga, pengkaji mendapati bahawa kawasan atau tempat bekerja di bandar menjadi pilihan utama dan terbesar oleh golongan wanita yang bekerja di sektor awam. Dalam kajian yang diperoleh di kawasan kajian iaitu di Ulu Tiram daerah Johor Bahru, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden adalah mereka yang terdiri daripada kaum melayu dan beragama Islam. Kajian ini telah membuktikan bahawa golongan wanita yang terdiri daripada kaum melayu di Ulu Tiram daerah Johor Bahru ramai terlibat dalam pekerjaan di sektor awam.

Di samping itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk menilai faktor-faktor terpilih yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden bersetuju terhadap setiap kenyataan soalan yang diajukan. Responden sangat bersetuju terhadap faktor kemudahan pencen merupakan antara faktor terpilih yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Bagi mereka dengan adanya kemudahan pencen dalam pekerjaan amat penting untuk mereka menjamin kehidupan dihari tua mereka. Hasil kajian juga mendapati bahawa responden menyatakan faktor kelebihan sampingan dan faedah merupakan antara faktor yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden juga bersetuju terhadap faktor keluarga dan minat

merupakan antara faktor yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Akhir sekali, kebanyakan golongan wanita lebih memilih kerjaya di sektor awam berbanding sektor swasta disebabkan banyak kelebihan dan dapat menjamin kehidupan mereka.

Terdapat kenyataan soalan tambahan yang diajukan untuk responden bagi menyokong lebih kuat lagi bagi persoalan dan objektif dalam kajian dan penyelidikan ini. Kenyataan soalan tambahan tersebut adalah seperti kebanyakan wanita yang memilih kerjaya di sektor awam adalah daripada kaum melayu berbanding dengan kaum lain, kebanyakan wanita yang bekerja di sektor awam adalah lebih ramai di kawasan bandar berbanding luar bandar, kebanyakan wanita daripada golongan yang berusia lebih ramai memilih kerjaya di sektor awam berbanding dengan golongan muda, dan banyak lagi. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa majoriti responden mengemukakan jawapan yang bersetuju terhadap setiap kenyataan soalan yang diajukan. Kenyataan ini bukanlah termasuk dalam persoalan dan objektif kajian dan ia hanya sekadar menyokong persoalan dan objektif kajian ini sahaja.

## 5.0 KESIMPULAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengupas berkenaan dengan corak demografi penglibatan wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam, faktor-faktor terpilih yang mempengaruhi persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam dan persepsi / pandangan masyarakat mengenai penglibatan wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Secara umumnya, faktor-faktor terpilih ini telah terbukti dapat mempengaruhi kerjaya dan juga persepsi wanita dalam memilih kerjaya di sektor awam. Rata-rata responden menyatakan bahawa mereka bersetuju mengenai faktor-faktor terpilih yang diberikan oleh pengkaji iaitu meliputi aspek kelebihan dan faedah, kerja yang terjamin, kelayakan akademik, cabaran atau risiko, kerja yang lebih ringan, gaji stabil, mudah naik pangkat, faktor keluarga, faktor minat, kemudahan pencen dan masa bekerja yang lebih fleksibel. Oleh hal yang demikian, perkara ini jelas memperlihatkan bahawa kebanyakan golongan wanita yang bekerja di sektor awam di kawasan Ulu Tiram daerah Johor Bahru lebih cenderung untuk bekerja di sektor awam berbanding bekerja di sektor swasta. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik akan datang dalam meneroka pemilihan kerjaya.

## 6.0 RUJUKAN

Ayuni Rosli. *Faktor Keluarga, Ganjaran dan Sukar Memperolehi Pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya yang Diceburi oleh Alumni BBAEC dan BHRM KUIS*. (Tesis) Kolej Universiti Islam Antarabangsa.

Chung, K.H. & Megginson, L.C. (1981). *Organisational Behaviour: Developing Managerial Skills*. New York: Harper and Row.

Dalimawati Binti Suhaili. (2002). *Persepsi Wanita Bekerjaya Terhadap Potensi Mereka Sebagai Aset Utama Sumber Manusia Pada Masa Hadapan Di Organisasi Terpilih*. Satu Kajian Kes Di Cawangan Terpilih Di Jabatan Buruh Negeri-Negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia. (Tesis Ijazah Sarjana) Universiti Malaysia Sarawak.

- Davidoff & Sanggin, S.E. (1993). *Perceive Continuing Professional Education Process Needs of Country Extension Agents in North Carolina*. (Tesis Kedoktoran) University of Raleigh: North Carolina.
- Dr. Ahmad Bin Che Yaacob & Abdul Halim Bin Ramli. (2004). Teori Pemilihan Kerjaya Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya. *Jurnal Akademik UITM Cawangan Johor*, 163(4), 37-54.
- Farrah Syamimi Binti Che Ros. (2016). *Trait Personaliti Graduan Wanita Di Malaysia Technical University (MTU) Dalam Pemilihan Kerjaya*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. (Tesis Ijazah Sarjana) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ginzberg, E., Ginsburg, S. W., Axelred, S. & Herma, J. L. (1966). *Occupational Choice: An Approach to A General Theory*. New York and London: Columbia University Press.
- Hockberg, E.J. (1978). *Perception*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Irwana Binti Mohd Amin. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembangunan Kerjaya Bagi Pekerja Wanita*. (Tesis Ijazah Sarjana) Universiti Malaysia Sarawak.
- J. P. Chaplin. (1985). *Dictionary of Psychology*. Random House Publishing Group.
- Jaafar Muhamad. (1997). *Kelakuan Organisasi*. Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Leeds Publications.
- Kalaiselvi A/P Karunamurthi & Lai Wei Sieng. (2018). Pilihan Sektor Pekerjaan Dan Faktor Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalialia Pelajar*, 21(2), 5-11.
- Maziah bt Che Yusoff. (2005). Kajian Kecenderungan Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Siswazah. *Jurnal Pengurusan Awam*, 4(1), 36-45.
- Mc Burney, D. (1977). *Introduction to Sensation / Perception*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd Salleh, A., Mahmud, Z. & Amat, S. (2006). *Bimbingan dan Kaunseling Sekolah*. UKM: Bangi.
- Noor Rahamah Hj. Abu Bakar. (2012). Wanita Bekerja dan Pengurusan Keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.
- Nur Syaheera Atan & Nurul Fatiha Asmadi. (2017). Proceeding of 2<sup>nd</sup> International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE). *WANITA DAN KERJAYA: KAJIAN TERHADAP MAHASISWA ISLAM FAKULTI PENGURUSAN DAN MUAMALAH, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR*. Grand Bluewave Hotel Shah Ala, Malaysia, 13-14 Disember.
- Nurinahafiza Binti Mansor. (2012). *Keberkesanan Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling Dan Kerjaya Dalam Membantu Kerjaya Pelajar Politeknik*. (Projek Sarjana) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Ijazah Sarjana).

- Rowntree, D. (1981). *Statistics Without Tears: A Primer for non-Mathematicians*. London: Penguin.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Perpustakaan Kuala Lumpur.
- Zairoslawanee Binti Zaib. (2014). *Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Atas Di Sekolah Menengah Kluster Di Kelantan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. (Tesis Ijazah Sarjana) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zunker & Vernon G. (1986). *Occupational aptitude tests*. 2<sup>nd</sup> ed.